

16 NOV 2000

APEC-Pulang

PEMIMPIN APEC TINGGALKAN BRUNEI SELEPAS SIDANG KEMUNCAK SELESAI

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mula meninggalkan negara yang kaya dengan sumber minyak ini selepas menghadiri dengan jayanya sidang kemuncak dua hari di sini.

Pemimpin pertama yang berlepas pulang ialah Presiden Mexico Dr Ernesto Zedillo, diikuti Presiden Abdul Rahman Wahid dari Indonesia dan wakil Kanada John Manley.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini.

Perdana Menteri New Zealand Helen Clark dan Presiden Chile Ricardo Lagos juga meninggalkan Bandar Seri Begawan malam ini.

Para pemimpin lain juga akan meninggalkan Brunei malam ini kecuali Presiden China Jiang Zemin yang akan terus tinggal di sini selama dua hari lagi.

Para pemimpin dari 21 negara anggota APEC berkumpul di sini sejak Selasa bagi menghadiri Sidang Kemuncak Ekonomi APEC Kelapan (AELM) 2000 yang dianjurkan oleh Brunei di Pusat Konvensyen Antarabangsa di sini.

Di sini mereka membincangkan pelbagai isu meliputi empat tajuk utama dalam mengurus globalisasi, mewujudkan peluang-peluang baru, memperkukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala dan menjadikan APEC lebih penting.

Sidang kemuncak kelapan itu diadakan selepas Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) selama dua hari pada 10 dan 11 Nov dan Mesyuarat Peringkat Menteri pada 12 dan 13 Nov.

Bagaimanapun, SOM, yang dijadualkan bermesyuarat dua hari menyelesaikan tugas mereka menetapkan agenda untuk Mesyuarat Peringkat Menteri setengah hari sahaja.

Mesyuarat Peringkat Menteri APEC dan sidang kemuncak tidak rasmi pemimpin akan diadakan di Shanghai, China pada Oktober, 2001.

-- BERNAMA

MNY RZS LAT